

KARYAWAN NEGERI SARAWAK



SHAMSUL IDZAM BIN JAMIL

Berasal dari Kampung Panglima Seman Ulu, Petra Jaya, Kuching, Sarawak. Lahir pada 9 September 1977. Mendapat pendidikan awal di SK Pulo dari tahun 1984 sehingga 1989 dan SMK St. Thomas dari tahun 1990 sehingga 1994. Memperoleh Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) persendirian pada tahun 2000. Mula bergiat dalam bidang lagu puisi pada tahun 1995 dan sempat merakam album lagu pop etnik dan puisi pada tahun 1997 dan 1998. Mula Menulis dalam genre puisi pada tahun 2002 dan telah menghasilkan lebih 100 buah puisi. Sebahagian besar karya beliau disiar dalam Majalah-majalah terbitan DBP dan juga dada akhbar. Karya beliau juga dimuat dalam Antologi Puisi Di Laman Anggerik ini, GAPENA 2005, *Antologi Puisi: Kota Budaya Citra Sejagat*, DBP 2005, Antologi Puisi Lok Cinta, PEKASA 2007, Antologi Puisi Harum Manis Negeri Kami, PEKASA 2009, Antologi Puisi Hari Pejuang Bahasa 152 , PENA 2010 dan Antologi Puisi Gema Membelah

17 GAPENA 2013.

KARYAWAN NEGERI SARAWAK

DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA

Pekerjaan/Kegiatan:

- ✚ Bertugas di Unit Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- ✚ Bendahari Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA) dan Bendahari Medan Teater Negeri Sarawak (MANTERA).
- ✚ Ahli Kumpulan Lagu Puisi 152 Dewan Bahasa dan Pustaka serta Ahli Kumpulan Sayu Ateng (Lagu Etnik Kontemporari – *Rain Forest Music*)

Pengalaman:

- ✚ Pembimbing Bengkel Lagu Puisi dan pembimbing penulisan kreatif untuk karyawan muda.
- ✚ Bergiat Aktif dalam penulisan karya sastera terutama genre puisi.
- ✚ Penggiat Lagu Puisi dari tahun 1995 sehingga sekarang.
- ✚ Rakaman album pop etnik dan lagu puisi di Kuala Lumpur bersama Kumpulan AKIRA pada tahun 1997 dan 1998.
- ✚ Aktivis sastera dalam pelbagai bidang termasuk teater dan seni persembahan pentas.
- ✚ Hakim pertandingan deklamasi dan lagu Puisi Peringkat Sekolah Menengah dan sebagainya yang berkaitan dengan aliran sastera.

Pengiktirafan:

- ✚ Tempat Pertama Sayembara mencipta Puisi Kualiti DBP pada tahun 2005.
- ✚ Penerima Anugerah Tinta Kenyalang untuk Hadiah Sastera Penulis Sarawak (HSPS) bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 bagi Kategori Puisi.